


# Berita B@UTeM



www.utem.edu.my | edisi Julai-Raya 2014



DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS  
MAAF ZAHIR & BATIN

# Berita Ba UTeM



www.utem.edu.my | Edisi Aidilfitri 2014

Selamat Hari Raya  
Aidilfitri



Majlis  
Iftar 2014  
Bersama Tun Canselor 1435H  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Golongan Kurang Bernasib Baik Diraikan



UTeM anjur  
pelbagai program

Semarak Ihyā' Ramadhan

MS 2



MS 4

Waya Keja  
PEJABAT HEPA

GOTONG ROYONG MASAK BUBUR LAMBU



f MyUTeM

b UTeM\_my

utm\_moments



# UTeM anjur pelbagai program

## Semarak Ihya' Ramadhan

**2 Julai :** Bersempena dengan kedatangan Ramadhan, Pusat Islam menyusun pelbagai program Ihya' Ramadhan sepanjang bulan yang penuh keberkatan ini.

Menurut Pengarah Pusat Islam, Dr. Radzuan Nordin berkata, antara aktiviti utama yang telah dirancang bagi mengimarahkan bulan yang mulia itu adalah majlis tazkirah, tadarus dan khatam al-Quran, iftar serta solat sunat terawih melibatkan warga kerja dan pelajar UTeM bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar di sini.

"Program yang dianjurkan melibatkan semua warga UTeM termasuk pelajar yang akan memberikan fokus kepada pengisian berbentuk ilmiah dan rohani.

"Seperti tahun terdahulu, program memasak dan mengedarkan bubur lambuk serta majlis iftar akan diadakan pada tahun ini," ujar Radzuan.

Jelasnya, pihak universiti juga akan menganjurkan majlis iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Yaakob selaku Canselor UTeM serta penyampaian bantuan Hari Raya kepada penduduk setempat.

Tambah beliau lagi, pada sebelah malamnya akan diadakan solat sunat tarawikh berjemaah diikuti program qiamullail pada 10 malam terakhir dalam bulan Ramadhan selain menyediakan kaunter pembayaran zakat fitrah.

Justeru itu beliau mengharapkan agar warga UTeM dan umat Islam di kawasan berhampiran akan turut sama mengimarahkan program ini yang menjanjikan ganjaran dan keberkatan.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

## Isi Kandungan

UTeM Anjur Pelbagai Program Semarak Ihya Ramadhan .....	02
<b>Majlis Iftar Bersama Tun Canselor 2014 .....</b>	<b>03</b>
Golongan Kurang Bernasib Baik Diraikan .....	
Warga Kerja Pejabat HEPA Gotong-Royong Masak Bubur Lambuk .....	04
Program Bicara Mufti Sempena Sambutan Nuzul Quran Peringkat UTeM .....	
Dr. Mohd Saiful Dilantik Dekan Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawan (FPTT) .....	05
<b>Salam Lebaran</b>	
<b>Pengurusan Tertinggi Universiti .....</b>	<b>06</b>
Salam Perantauan .....	08
<b>Salam Lebaran .....</b>	<b>09</b>





# Majlis Iftar 2014

Bersama Tun Canselor 1435H  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
**Golongan Kurang Bernasib Baik Diraikan**

17 Julai : UTeM hari ini menganjurkan majlis Iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Tun Mohd Khalil yang juga Canselor UTeM meluangkan masa bersama warga universiti dan golongan kurang berkemampuan dan anak-anak yatim sebelum majlis itu bermula.

Menurut Naib Canselor, Prof Dr Shahrin Sahib yang ditemui berkata, penganjuran program itu adalah untuk merapatkan hubungan ukhwah sesama muslim serta meningkatkan penghayatan tentang hikmah dan kebesaran bulan Ramadhan kepada seluruh warga universiti.

"Majlis seperti ini berperanan sebagai medium ataupun saluran kepada UTeM untuk menyalurkan bantuan dan sokongan kepada mereka yang memerlukan di bulan yang penuh keberkatan ini," jelasnya.

Katanya lagi, Pusat Islam UTeM telah memainkan peranan mengumpul dana yang disumbangkan oleh persatuan dan kelab serta orang perseorangan untuk disalurkan kepada penerima.

Pada majlis tersebut, Tun Mohd Khalil telah menyerahkan sumbangan kepada mahasiswa UTeM yang tergolong dalam keluarga kurang berkemampuan, anak-anak yatim dari kalangan anak staf serta ibu-ibu tunggal sekitar Durian Tunggal.

Majlis diserikan dengan kehadiran Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Idris Haron, Pro Canselor UTeM, Pengurus dan ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU), pegawai-pegawai kanan universiti serta pemimpin-pimpinan persatuan di UTeM.



# Salam Perantauan

"Selamat Berpuasa dan Selamat Hari Raya kepada Ibu dan Ayah di Tanjung Malim dan Taiping, kaum keluarga, sanak saudara, sahabat handai di UTeM dan semua yang mengenali kami. Kami memohon ampun dan maaf atas segala silap dan salah, serta mohon maaf kerana tidak dapat balik berhari raya bersama keluarga tercinta.

Ikhlas daripada kami,  
Kamarul Amir Mohamed (FKP) - University of Hertfordshire, UK  
Zaiton Abdul Mutualip (FKEKK) - University of Warwick, UK

Kami ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin kepada seluruh keluarga FKEKK dan mereka yang mengenali diri ini.

Setulus ingatan daripada kami:  
Sadhiqin, Alissa, Amani dan Asha.

Ahmad Sadhiqin Mohd Isira (FKEKK)  
University of Manchester, United Kingdom

Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua rakan sekerja UTeM terutamanya Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan (FPTT) teristimewa buat mantan dekan PM Dr. Md Nor Hayati Tahir dan rakan FPTT yang lain.

"Makan tu jangan seronok sangat, Ingat sikit orang yang tak dapat makan lemang dan rendang di perantauan"

Salam sayang dari bumi sakura, Nagoya, Japan.

Nurul Zarirah binti Nizam (FPTT)  
Aichi University, Nagoya, Jepun

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin khas buat ibu dan ayah, Mohd Sam Mizan dan Rusmani Jais di Melaka, Rosli Mat dan Zaitun Pendek di Pahang dan semua ahli keluarga. Tidak lupa kepada penaja KPM dan UTeM serta rakan-rakan di FPTT, Unit Cuti Belajar dan sesiapa yang mengenali. Salam Syawal dan kemaafan daripada kami Mohd Fazli, Roziana Rosli, Nur Farhana dan Muhammad Dzakwan di bumi matahari terbit Nagoya, Jepun.

Engr. Mohd Fazli bin Mohd Sam (FPTT)  
Aichi University, Nagoya Jepun

Salam Ramadhan & Salam Syawal buat semua warga UTeM khususnya FKM serta yang mengenali diri ini. Ampun maaf dipinta bagi segala kekhilafan diri. Doakan kesihatan, keberkatan & kejayaan di bumi sakura ini.

Asriana binti Ibrahim (FKM)  
Ehime University, Japan

# Salam Lebaran

## Dekan-dekan Fakulti / Pusat



Salam Aid' Fitri kepada semua warga UTeM. Semoga segala amal ibadah di bulan Ramadhan dapat mengembalikan kita kepada fitrah sebagai seorang insan 'abid yang lebih mantap. Kita pohon rahmat dan kurnia Ilahi untuk membolehkan kita meneruskan usaha di bulan yang mulia ini berterusan. Mohon kemaafan daripada saya kepada semua, atas kesalahan perbuatan mahupun tutur kata.

**PROF. DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD**  
**DEKAN**  
**PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH**



Di kesempatan kali ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada isteri, anak-anak, saudara mara serta rakan-rakan di UTeM.

"Juadah ketupat sudah tersedia Untuk dijamu tetamu yang tiba Setelah sebulan semua berpuasa Kini tibalah Hari Raya"

Sekian, Maaf Zahir & Batin

**ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK**



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Illahi, kerana dipanjangkan usia untuk bertemu di bulan Ramadhan, yang penuh keberkatan dan Insyallah sekiranya dipanjangkan umur kita akan sama-sama menyambut kehadiran bulan Shawal serta meraikan Aidilfitri pada tahun ini.

Saya menyeru semua warga FTMK, untuk sama-sama menyambut bulan yang mulia ini dengan bersederhana dan sentiasa mengingati maksud Ramadhan dan Syawal yang sebenar.

Kepada pelajar dan staf yang akan pulang menyambut Aidilfitri di kampung halaman, saya mengucapkan semoga selamat sampai ke kampung masing-masing dengan selamat.

Membeli belah di Parit Kasan,  
Sambil membeli bubur durian,  
Aidilfitri kita, bermaaf-maafan,

Menghapus kesalahan sesama insan.  
Disisir diandam dengan cekap  
Potong rambut pelbagai gaya  
Puasa sebulan sudahlah lengkap  
Kita menyambut Hari Raya

**PROF. MADYA DR. MOHD KHANAPI BIN ABD. GHANI**  
**DEKAN**  
**FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI**



Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmatNya maka kita berkesempatan lagi merasai kemeriah sambutan hari raya aidilfitri pada tahun ini. Semoga semua umat Islam menyambut perayaan ini dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran di samping mereka yang tersayang. Pada kesempatan ini, saya ingin menyusun sepuluh jari memohon ampun dan maaf kepada semua warga UTeM di atas kekhilafan sepanjang saya berkhidmat di sini. Sesungguhnya kita tidak boleh lari dari melakukan kesilapan dan segala kebaikan itu datang dari Allah S.W.T. Akhir kalam, saya ingin mengucapkan selamat menyambut hari raya aidilfitri maaf zahir dan batin kepada semua warga kerja FKEKK serta seluruh muslimin dan muslimat.

**PROF. MADYA DR. ABDUL RANI BIN OTHMAN**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK**  
**DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER**



Dengan ikhlas hati saya menyusun sepuluh jari memohon maaf kepada semua warga Utem, jika ada terkasar bahasa, salah dan silap samada secara saya sedar ataupun tidak. Saya juga ingin megambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga UTeM. Moga aidilfitri ini dapat mengukuhkan lagi ukhwah antara kita semua sesama umat Islam. Yang akan pulang jauh ke kampung halaman, berhati-hatilah semasa memandu dan rancanglah perjalanan supaya selamat pulang dan kembali bertugas.

**ENGR. DR. NOREFFENDY BIN TAMALDIN**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL**



Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan Salam Aidil Fitri buat semua warga UTeM khususnya kepada warga FKP. Semoga segala amalan yang dilaksanakan sepanjang Ramadhan ini mendapat rahmat dan sentiasa diberkati Allah. Di kesempatan ini juga saya memohon keampunan sekiranya terdapat sebarang kesilapan sepanjang saya menjalankan tugas sebagai Dekan FKP.  
Salam Aidil Fitri Al-Mubarak

**PROF. MADYA DR. RIZAL BIN SALLEH**  
**DEKAN**  
**FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN**

# *Salam Lebaran*

## *Dekan-dekan Fakulti / Pusat*



Bersyukur kehadiran Allah S.W.T. di atas limpah kurniaNya serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayangNya mengizinkan kita semua untuk bertemu Ramadhan kali ini dan seterusnya menyambut lebaran Aidilfitri pada tahun ini.

Dalam kerendahan hati  
Ada ketinggian budi  
Dalam kemiskinan harta  
Ada kekayaan jiwa  
Dalam kelembutan lidah  
Ada keterlanjuran kata

Mohon Ampun & Maaf daripada warga FPTT  
Selamat Hari Raya Aidilfitri & Semoga Silaturahim diberkati  
Allah.

**DR. MOHD SYAIFUL RIZAL BIN ABD HAMID**  
**DEKAN**  
**FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN**



Alhamdulillah, kita telah diberi kesempatan oleh Allah swt untuk berjumpa di Ramadhan tahun ini. Semoga kita semua telah mengambil peluang sepenuhnya bagi meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT.

Ramadhan akan pergi meninggalkan kita dan In sha Allah, Syawal akan menjelma pula. Oleh itu sambutlah Syawal dengan penuh kesyukuran dan bermaaf-maafan di antara kita bagi mengikatkan tali silaturahim sesama insan. Di kesempatan Syawal ini juga, jangan lupa kepada penderitaan rakyat Palestin yang memerlukan perhatian kita semua.

Sempena Syawal tahun ini, saya berserta keluarga dan seluruh warga FTK mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri dan Maaf Zahir Batin.

Lemah Lembut Si Tuan Puteri  
Berkain Cindai Cantik Menawan  
Kami Menyusun Sepuluh Jari  
Salah Dan Silap Harap Maafkan

**PROF. MADYA MOHD RAHIMI BIN YUSOFF**  
**DEKAN**  
**FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN**



Syukur Alhamdulillah di atas segala nikmat dan keberkatan yang diberi kerana dengan limpah izin jua dariNYA, maka kita berkesempatan bertemu lagi bulan yang mulia ini.

Semoga kita dapat bersama-sama dapat menghayati Ramadhan dengan meningkatkan ibadah dan melaksanakan segala tanggungjawab dengan penuh rasa amanah dan bersyukur atas segala limpah rahmatNYA.

Di kesempatan ini, saya dan warga Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga Aidilfitri ini membawa seribu makna dan pengertian serta kemenangan kepada kita sebagai umat Islam.

Dalam kerendahan hati, ada ketinggian budi  
Dalam kemiskinan harta, ada kekayaan jiwa  
Dalam kelembutan lidah, ada kekasaran bahasa  
Dalam gurau senda, pasti ada khilaf dan dosa

**DR. MARIANA BINTI YUSOFF**  
**DEKAN**  
**PUTUS BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN**

# *Salam Lebaran Pengarah-pengarah Pusat Tanggungjawab*



"Selamat Menyambut Lebaran  
Kemenangan dan Kegembiraan  
Hak Milik Semua...  
Selamat Hari Lebaran"

**LAR. ABDUL WAHAB BIN HARUN  
PENGARAH  
PEJABAT PEMBANGUNAN**



Saya dengan ini mewakili seluruh warga Pusat Komputer mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) terutama sekali kepada mereka yang beragama Islam. Semoga Aidilfitri yang bakal tiba memberi 1001 kerahmatan buat semua.

Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa  
Dalam kelembutan lidah ada keterlanjuran kata  
Dalam gurau senda tentu ada khilaf dan dosa  
Mohon kemaafan untuk segala-galanya & Selamat Hari Raya

**MOHD ISA BIN MOHD DOM  
PENGARAH  
PUTUS KOMPUTER**



Ramadhan hampir kita tinggalkan, syawal mulia semakin menjelma. Aidilfitri, disambut dengan rasa syukur. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin dari saya.

Semoga dengan hati yang bersih, amal ibadah Ramadhan kita diterima oleh Allah SWT serta mendapatkan pengampunan dan limpahan rahmatNya dan diberkati usia kita hingga ke Ramadhan tahun depan. Amin.

Takbir bergema di hening pagi  
Memohon keampunan ke hadrat Illahi  
Kini Syawal menjelma lagi  
Dengan ucapan Salam Aidilfitri

Salam Syawal, Eid Mubarak, Kullu amm wa antum bikhair, minal aidin wal faizin - InsyaAllah.  
Maaf zahir & batin kepada seluruh warga UTeM

**PROF. MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI  
PENGARAH  
PUTUS JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI**

Mengharap rahmah dan maghfirah Ilahi,  
Sebulan Ramadan mesra didakapi;  
1 Syawal semakin menghampiri,  
Seribu syukur dan keriangan di Aidil Fitri.

Tangan jauh tak dapat berjabat,  
Lisan dizahir tidak terucap;  
Hati berkata tak dapat disekat,  
Utusan tinta pengganti ditatap.

Putih metah si bunga melati,  
Tumbuh merimbun menawan hati;  
Maaf dipohon setulus hati,  
Selamat Menyambut Aidil Fitri

Saya mewakili warga PPP mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Fitri serta Maaf Zahir dan Batin kepada YBhg Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai Pengurusan Tertinggi, Pegawai-pegawai Kanan, Ketua-ketua PTJ dan semua warga UTeM. Kami juga minta dihalalkan hak yang diambil atau tidak diberikan secara adil kepada mana-mana pihak.



**PROF. MADYA DR. SYED NAJMUDDIN  
BIN SYED HASSAN  
PENGARAH  
PUTUS PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**



Saya mewakili Penerbit Universiti ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada Y.Bhg Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Pegawai-pegawai Kanan Universiti dan seluruh warga UTeM yang dikasihi. Semoga berbahagia di hari Lebaran bersama insan tersayang.

Kala Ramadhan telah pergi,  
Takbir berkumandang di Aidilfitri,  
Lapar dahaga yang kita lalui,  
Semoga berbalas pahala Illahi,  
Dengan tangkupan sepuluh jari,  
Memohon maaf setulus hati,  
Ampun dipinta maaf diberi,  
Salam Aidilfitri.

**RUZIAH BINTI ALI  
PENGARAH  
PENERBIT UNIVERSITI**



Saya mewakili Pusat Islam ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh warga universiti. Mohon ampun dan maaf di atas apa jua kesilapan dan semoga kehadiran Syawal pada tahun ini memberi sinar baru dalam hidup kita untuk terus berbakti kepada agama, bangsa dan negara. Maaf zahir dan batin.

**DR. RADZUAN BIN NORDIN  
PENGARAH  
PUTUS ISLAM**

# Salam Lebaran Pengarah-pengarah di Canselori



Menjelang Syawal berakhirnya Ramadhan.  
Bergema takbir menyambut hari  
kemenangan  
melawan nafsu, bersama keluarga  
tersayang, saudara mara,  
jiran tetangga dan sahabat handai

Untuk setiap kata yang tidak terjaga, hati dengan prasangka,  
kesalahan yang tak disengaja dan khilaf yang tak disangka.  
Maafkanlah saya yang tak sempurna ini

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin

**ZAINAL BIN BIDIN**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT KHIDMAT PENGURUSAN, CANSELORI**

Bersempena kehadiran 1 Syawal ini, saya mewakili seluruh staf  
PPKK menyusun sepuluh jari memohon kemaafan jika terdapat  
salah dan silap yang tidak disengajakan semasa memberikan  
khidmat kepada warga UTeM. Semoga bulan kemenangan ini  
membawa seribu makna kepada kita semua.

Cahaya Ramadhan berlalu pergi  
Menyambut tibanya Aidilfitri  
Ampun maaf segala peri  
Semoga ikatan kekal dihati

Andai kata meluah bisa  
Andai tingkah berbekas luka  
Andai langkah sumbang lara  
Kuhulur tangan di bulan mulia  
Ampun dan maaf sesama kita

Salam Aidilfitri  
Maaf zahir dan batin

**FAZIDAH BINTI ITHNIN**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT PERANCANGAN DAN KOMUNIKASI  
KORPORAT, CANSELORI**



Di kesempatan ini saya dan keluarga ingin  
mengucapkan 'Selamat Hari Raya Aidilfitri,  
Maaf Zahir dan Batin' kepada semua  
warga UTeM, staf dan juga pelajar. Semoga  
Aidilfitri ini memberikan sinar kebahagiaan  
kepada kita semua. Berhati-hati ketika  
pulang ke kampung halaman, pandu cermat  
jiwa selamat. Salam Aidilfitri.

**PROF. MADYA DR. BADRUL HISHAM BIN AHMAD**  
**PENGARAH**  
**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI,  
CANSELORI**



Bagi pihak warga Pejabat Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan UTeM dan keluarga ingin mengucapkan Salam Eidul Fitri & Maaf Zahir & Batin kepada semua warga UTeM. Semoga semua dilimpahi rahmat dan keberkatan dari Allah di hari yang mulia ini.

Syawal bulan yang gembira,  
Kita menyambut hari raya,  
Bersyukur kita pada yang Esa,  
Dikurniakan nikmat tak terhingga.

Bulan kemenangan setelah berpuasa,  
Kita menunaikan solat hari raya,  
Bertakbir dan bertahmidlah kita,  
Memuji Tuhan yang Maha Esa.

Hari Raya untuk bergembira,  
Ziarah-menziarahi sesama kita,  
Tak lupa juga kunjungilah pusara,  
Moga berbahagia di alam baqa'.

Hari ini bermaaflah kita,  
Masih adakah dendam tersisa,  
Bukan saja pada hari raya,  
Moga ukhuwah terjalin selamanya.

**AZWAN BIN AZIZ**  
**PENGARAH**  
**PEJABAT KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN,  
CANSELORI**

Takbir bergema di hening pagi  
Memohon keampunan ke hadrat Ilahi  
Kini syawal menjelma lagi  
Dengan ucapan Salam Aidilfitri

Ayam kampung dimasak kari  
Sungguh enak bila dimakan  
Mari menyusun sepuluh jari  
Salah dan silap harap maafkan

Pergi berkelah di Gunung Jerai  
Berkelah bersama dengan kenalan  
Ikatan persahabatan jangan terlerai  
Ukhwah dibina mogah berkekalan



**AZHAR BIN MOHAMED**  
**PENASIHAT UNDANG-UNDANG,  
CANSELORI**

# Salam Lebaran Pengarah-pengarah di Canselori



Bersempena menyambut kedatangan bulan Syawal yang akan tiba, di kesempatan ini ingin saya memohon maaf kepada seluruh warga UTeM andai terdapat kekhilafan diri yang menyenggung perasaan semua.

Sejalan dengan berlalunya Ramadan tahun ini,  
Kemenangan akan kita gapai,  
Dalam kerendahan hati ada ketinggian budi,  
Dalam kemiskinan harta ada kekayaan jiwa,  
Dalam kesempitan hidup ada keluasan ilmu,  
Hidup ini indah jika segalanya kerana Allah S.W.T.

Akhir kata, Selamat Hari Raya Aidilfitri 1435H  
Taqobalallahu Minna Wa Minkum  
Mohon maaf lahir dan batin

**PROF. DR. NANNA SURYANA HERMAN  
PENGARAH  
PEJABAT ANTARABANGSA, CANSELORI**

Salam Ramadhan Kareem dan Salam Aidilfitri AlMubarak yang menjelang tiba kepada semua warga UTeM.



Semoga Allah s.w.t. menerima amal ibadah kita selama sebulan Ramadhan dan mendapat kemenangan dalam jihad menundukkan hawa nafsu.

Di kesempatan ini saya dan rakan sepejabat ingin memohon ampun dan maaf di atas keterlanjuran kata serta salah dan silap sepanjang kami melaksanakan tugas.

Berhati-hatilah memandu di jalanraya. Semoga selamat sampai ke destinasi yang di tuju bertemu kaum keluarga, sanak saudara dan sahabat tauan yang dicintai.

**MOHD AMIN BIN MOHAMAD  
PENGARAH  
PUSAT BIMBINGAN KERJAYA DAN KEBOLEHPASARAN,  
PEJABAT JARINGAN INDUSTRI & MASYARAKAT, CANSELORI**



Saya mewakili warga PSTP ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga Aidilfitri ini membawa cahaya kebahagiaan & keinsafan dalam diri kita.

Takbir bergema di dini hari  
Tanda sebulan kita berpuasa  
Bersyukurlah kita kehadrat ilahi  
Beroleh kemenangan beribadah puasa

Ceria suasana api pelita  
Kanak-kanak keriangan di depan tangga  
Salam Aidilfitri dipinta  
Dari kami PSTP sekeluarga

**PROF. MADYA DR. SAZILAH BINTI SALAM  
PENGARAH  
PUSAT SUMBER & TEKNOLOGI PENGAJARAN, CANSELORI**



Ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri 1435H kepada semua warga UTeM. Semoga Syawal ini dapat kita sambut dengan syukur sentiasa atas segala nikmat yang Allah berikan. Didoakan kita dapat bertemu kembali dengan Ramadhan yang akan datang. Maaf Zahir dan Batin atas segala ketelanjuran pertuturan, perbuatan juga lintasan hati dalam urusan dan pergaularan sehari-hari. Moga keceriaan syawal memberikan kesegaran semangat untuk terus berusaha mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

**PROF. MADYA DR. JARIAH BINTI MOHAMAD JUOI  
PENGARAH  
PEJABAT PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK,  
CANSELORI**



"Bagi pihak Pegawai, kakitangan dan Polis Bantuan UTeM, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada pengurusan kanan serta seluruh warga UTeM menjelang Aidilfitri yang akan disambut tidak lama lagi.

Juga dipohon ampun dan maaf jika ada keterlanjuran kata dan terkasar bahasa dari seluruh warga Pejabat Keselamatan semasa melaksanakan tugas masing-masing kerana sebagai insan kita semua tidak lari dari melakukan kesilapan.

Di kesempatan ini, saya juga ingin menasihatkan agar kita semua berhemah dalam berbelanja, berhati-hati terutama kepada yang pulang memandu ke kampung halaman masing-masing serta sentiasa memastikan keselamatan apabila meninggalkan rumah untuk berhari raya".

**SUPT / PB AFFINDI ABU BAKAR  
PENGARAH  
KESELAMATAN UTeM, CANSELORI**



Bagi pihak Pusat Kelestarian dan Alam Sekitar dan jawatankuasa Alam Sekitar dan Teknologi Hijau, saya ingin mengucapkan selamat mengimarahkan bulan Ramadhan dengan amal ibadah dan selamat menyambut Aidilfitri 1435 Hijrah. Kepada yang akan mengharungi kesesakan jalan raya untuk balik ke kampong, mohon bersabar dan berhati-hati memandu kenderaan masing-masing. Peringatan khas kepada yang akan mengadakan rumah terbuka, cuba elak menggunakan bekas polistiren atau bekas pakai-buang yang lain. Jagalah alam sekitar dan bumi kita untuk generasi akan datang.

**PROF. MADYA ENGR JUHARI BIN ABDUL RAZAK  
PENGARAH  
PUTUS KELESTARIAN ALAM SEKITAR, CANSELORI**

# *Salam Lebaran Pemimpin-pemimpin Persatuan*

Di kesempatan ini, saya ingin menyeru kepada warga UTeM yang pulang ke kampung supaya berhati-hati ketika memandu dan pastikan keluarga kita selamat sampai ke destinasi yang dituju. Jangan jadikan hari gembira ini menjadi hari berduka-cita untuk kaum keluarga kita.

Saya bagi pihak Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM), ingin mengucapkan Salam Aidil Fitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga UTeM. Semoga kita diberikan keberkatan dan kesejahteraan oleh Allah S.W.T, agar kita berpeluang menemui sinar Ramadan dan Syawal di tahun-tahun mendatang.

JAMAL NASIR BIN HJ. ABD. WAHAB  
PRESIDEN  
KESATUAN KAKITANGAN AM UTeM (KEKUTeM)



Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin

Sempena menyambut hari yang mulia ini, saya mewakili semua ahli Jawatankuasa BAKUTeM ingin memohon maaf di atas segala salah dan khilaf semasa menjalankan tugas. Di samping kita bergembira, jangan lupa untuk membantu saudara kita yang kurang berasib baik dan sedang diuji oleh Allah S.W.T.

Semoga semua bergembira bersama keluarga tersayang dan selamat dalam perjalanan pergi dan pulang.

اویورسیٰ تکنیکال ملک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
ZAINAL BIDIN  
Pengerusi  
BADAN KEBAJIKAN STAF UTeM (BAKUTeM)



Saya mewakili barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM bagi sesi 2013/2014 menyusun sepuluh jari ingin memohon ribuan ampun dan maaf khususnya kepada seluruh warga UTeM .

Marilah kita sama-sama menyambut Syawal pada tahun ini dengan penuh keinsafan dan kesederhanaan kerana di dalam keadaan kita sedang bergembira menyambut Syawal yang mulia terdapat saudara kita yang sedang diuji oleh Allah SWT sebagaimana yang sedang berlaku di bumi Palestin dan Syria. Semoga kita sentiasa dirahmati Allah S.W.T

Salam Aidilfitri , Maaf Zahir dan Batin.

MUHAMMAD ZHARIF BIN MD ZAIDON  
NAIB YANG DI-PERTUA  
MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
2013/2014



# *Salam Lebaran Pemimpin-pemimpin Persatuan*

Saya dan EXCO AUTEM merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidil Fitri 1435H kepada semua warga UTeM khasnya kepada Ahli Lembaga Universiti, Canselor, Naib Canselor, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Dekan-Dekan, Pegawai-pegawai kanan universiti, pensyarah dan kakitangan pentadbiran.

Sebagai Alumni UTeM, kami merasa bangga dengan pencapaian UTeM pada masa kini khususnya sebagai pusat pemberi pendidikan tinggi kepada warga bangsa. Sejak 2001 hingga kini, kami merasakan UTeM telah dapat bersaing sebaris dengan IPTA lain dalam melahirkan modal insan cemerlang sama ada di peringkat nasional dan dunia.

Akhir kata, harapan kami UTeM teruskan usaha meningkatkan kemajuan sosio ekonomi dan martabat warga bangsa menerusi pemberian kelangsungan ilmu pengetahuan yang kompeten dan pembangunan sahsiah terpuji.



**RAHIM BIN SELAMAT  
PRESIDEN  
PERSATUAN ALUMNI UTeM (AUTeM)**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia nikmat serta izinNya, kita telah sampai di bulan Syawal, bulan kemenangan dan kegembiraan. Semoga segala ibadah serta pekerjaan yang dilakukan di bulan Ramadhan yang baru sahaja berlalu, diterima oleh Allah SWT sebagai amal soleh serta mendapat keampunan dan rahmat dariNYA, insyaAllah. Amiiin.

Selaku Penggerusi Puspanita Cawangan UTeM yang baharu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hariraya Aidil Fitri serta mohon ampun dan maaf zahir dan batin kepada seluruh warga UTeM, khasnya kepada semua ahli-ahli Puspanita Cawangan UTeM. Sermoga kemeriahinan bulan Syawal ini dapat diraikan bersama keluarga yang tersayang, jiran tetangga dan sahabat handai serta mendapat keberkatan dan keredhaanNYA, insyaAllah.



**FADZILAH BINTI SALIM  
PENGGERUSI  
PUSPANITA CAWANGAN UTeM**

Meriah sungguh di malam hari,  
Rumah dihias dengan pelita,  
Salam lebaran salam Aidilfitri,  
Tangan ku hulur maaf dipinta

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Segala Puji bagi Allah, Syukur yang tidak terhingga atas nikmat kurniaan Allah kepada kita HambaNya yang telah melalui bulan Mujahadah ini dengan sabar. Moga kemenangan yang hakiki menjadi milik kita semua.

Bersempena Syawal 1435H , tanamkan azam, luaskan minda dan ledakkan semangat untuk kita membawa perubahan dalam diri dan masyarakat khususnya warga universiti bagi memantapkan jati diri dalam membantu tumpuk kepimpinan pengurusan tertinggi UTeM untuk membawa organisasi ini ke puncak kegemilangan dan kecemerlangan.

Ramadhan yang dirindui berlalu sudah  
Bulan kemenangan itulah Syawal yang dinanti,  
Sebagai insan tidak terlepas dari salah  
Saling bermaafan jangan disimpan di dalam hati  
Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin



**SABARINA BINTI ABDULLAH  
PRESIDEN  
PERSATUAN PEGAWAI TADBIR & IKHTIAS (PRAKTIS)**

سَلَامٌ عَلَى هَارِيٍّ عَيْدِ الْفِطْرَةِ

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

*Maaf Zahir & Batin*

Daripada Seluruh Warga  
**Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat,**  
**Canselor**



**UTeM**

جامعة ملاك كلية التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

